

Haluan Perpustakaan Secara Video

oleh

Tunku Noraidah Tuanku Abdul Rahman*

Rancangan haluan Perpustakaan sehingga sekarang dikendalikan secara persembahan pita/slaid dengan diikuti oleh lawatan Perpustakaan.

Pihak Perpustakaan menyedari bahawa rancangan haluan Perpustakaan seperti ini tidak begitu berkesan kerana:

- a) Susunan acara bagi pelajar baru yang dianjurkan oleh Hal Ehwal Pelajar terlalu banyak.
- b) Ramai pelajar baru menghadapi berbagai masalah mengenai kewangan, tempat kediaman, pendaftaran untuk kursus dan sebagainya yang perlu diselesaikan. Ini mengakibatkan ketidak hadiran mereka dalam rancangan ini.
- c) Bilangan pelajar adalah sangat ramai. 16 hingga 20 orang pelajar terpaksa dimasukkan ke dalam tiap kumpulan bagi lawatan Perpustakaan. Kumpulan-kumpulan ini terlalu besar untuk dipandu secara efektif.

Memandangkan bentuk rancangan haluan Perpustakaan yang kurang memuaskan ini, satu usaha untuk menyediakan persembahan video telah dimulakan. Semua bahagian dalam Perpustakaan telah memberi sokongan dan kerjasama mereka terhadap projek ini.

Faedah utama rancangan video ini ialah seseorang pelajar baru yang tidak dapat mengikuti rancangan ini semasa haluan siswa masih boleh berbuat demikian selepas tempoh tersebut. Pelajar-pelajar di tahun-tahun lain yang masih tidak tahu menggunakan Perpustakaan dengan sepenuhnya juga boleh mendapat manfaat dari rancangan video ini. Jika ada pelajar-pelajar yang masih tidak memahami penerangan yang diberikan dalam rancangan video ini,

mereka boleh mengikutinya berulang-kali sehingga mereka memahaminya dengan betul.

Rancangan video ini akan meliputi perkara-perkara seperti

- i) cara menggunakan katalog berbentuk kad dan COM
- ii) cara mencari buku di rak-rak terbuka
- iii) prosedur berhubung dengan pinjaman
- iv) perkhidmatan-perkhidmatan yang boleh didapati dari koleksi-koleksi khusus seperti Koleksi Kebangsaan, Koleksi Asia Timur, Koleksi Tamil, Koleksi Majalah Kini, Koleksi Audio-Visyual, Koleksi Rujukan dan Koleksi Tanda Merah.
- v) perkhidmatan istimewa untuk orang cacat.
- vi) perkhidmatan salinan foto
- vii) masalah yang harus dibawa ke perhatian kakitangan di bahagian-bahagian tertentu seperti Bahagian Perkhidmatan Pembaca dan Bahagian Sirkulasi.

Rancangan video ini akan dipersembahkan serentak melalui tiga peti televisyen/monitor di Dewan Rujukan dari 18hb Julai hingga 30hb Julai 1983 pada waktu-waktu berikut:

18hb Julai – 21hb Julai

25hb Julai – 28hb Julai

- 9.00 pagi
- 10.00 pagi
- 11.00 pagi
- 12.00 tengahari
- 2.00 petang
- 3.00 petang

*Ketua, Bahagian Perkhidmatan Pembaca

22hb Julai dan 29hb Julai

- 9.00 pagi
- 10.00 pagi
- 11.00 pagi
- 3.00 petang

23hb Julai dan 30hb Julai

- 9.00 pagi
- 10.00 pagi
- 11.00 pagi
- 12.00 tengahari

Selepas tempoh ini, rancangan video ini boleh diikuti pada hari dan waktu berikut:

- Rabu 9.30 pagi
- Khamis 2.30 petang

di Oditorium Perpustakaan atau Bilik Mesyuarat. Sila rujuk kepada papan kenyataan untuk mengetahui di mana persembahan ini diadakan.

Pelajar-pelajar dan pengguna Perpustakaan yang lain boleh memohon untuk menyaksikan rancangan video ini pada waktu-waktu yang sesuai bagi mereka

dan pihak Perpustakaan. Permohonan mesti dibuat kepada Bahagian Perkhidmatan Pembaca.

Penghargaan

Memandangkan persahabatan erat yang telah lama wujud di antara Perpustakaan dan Asia-Pacific Institute of Broadcasting Development (AIBD), Pengarah AIBD, Encik R. Balakrishnan telah sudi memilemkan rancangan video ini dengan kos yang amat rendah. Pihak Perpustakaan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada beliau dan kakitangan AIBD yang berkenaan di atas jasa baik mereka. Sungguh pun AIBD sendiri mempunyai jadual rancangan yang amat ketat, mereka telah cuba dengan sedaya upaya untuk memilemkan rancangan video ini. Tanpa bantuan pihak AIBD, tidak mungkin Perpustakaan dapat mengendalikan rancangan yang sangat diperlukan itu.